


BULETIN @ AKRAB PKPMP

BIL. 12 TAHUN 2024

DISEMBER 2024



PROGRAM KEMPEN DERMA DARAH

SEREMBAN, 5 Disember 2024 - Program Kempen Derma Darah ini dijalankan sebagai salah satu program tahunan AKRAB Mahkamah Negeri Sembilan. Tujuan utama program ini adalah memberi kesedaran kepada semua warga Mahkamah dan warga kerja jabatan kerajaan yang berada di sekitar Mahkamah serta orang ramai tentang kepentingan menjaga kesihatan dan kebaikan menderma darah.

Seramai 70 orang warga Mahkamah Negeri Sembilan telah hadir ke program tersebut dan seramai 39 orang telah menderma darah pada hari berkenaan. Diharap program sebegini dapat dilaksanakan pada tahun-tahun akan datang serta mendapat sambutan yang baik dari warga Mahkamah Negeri Sembilan.



BAKUL IHSAN AKRAB MAHKAMAH MELAKA



MELAKA, 13 Disember 2024 - AKRAB Mahkamah Melaka telah meneruskan program bulanan iaitu pemberian Bakul Ihsan kepada kakitangan mahkamah. Bakul Ihsan yang terakhir telah disampaikan kepada Encik Hafizul Hadi, Pembantu Tadbir Undang-Undang di Pendaftaran Mahkamah Sesyen Melaka telah dimasukkan ke Hospital selama seminggu disebabkan terkena penyakit cacar yang teruk.

MELAKA, 20 Disember 2024 - Bakul Ihsan yang seterusnya telah disampaikan kepada Encik Mohd Shafiq bin Abdul Ghani, Pembantu Tadbir Undang-Undang di Pendaftaran Mahkamah Majistret Melaka yang telah menjalani pembedahan akibat dari masalah buasir yang dihadapinya.



Semoga dengan sumbangan ini, ia dapat memberi kegembiraan kepada mereka dan mengurangkan kesakitan yang mereka alami. Moga apa yang AKRAB lakukan memberi inspirasi pada semua kakitangan untuk sama-sama membantu dan melahirkan rasa empati dihati mereka.

PROGRAM EXPLORASI IDEA PRA 2025



SEREMBAN, 19 Disember 2024 -

Mahkamah Seremban telah mengadakan Program Explorasi Idea Pra 2025 bertempat di Bilik Seminar Mahkamah Seremban. Program ini merupakan satu program peningkatan hala tuju yang dirancangkan oleh AKRAB Mahkamah Negeri Sembilan khusus untuk ahli-ahli AKRAB Mahkamah Negeri Sembilan.

Program ini juga merupakan usaha ahli-ahli AKRAB untuk mengekalkan hubungan dan peranan AKRAB sebagai pembimbing rakan sekerja kepada semua warga Mahkamah. Selain itu, program ini juga bertujuan untuk mengeratkan ukhuwah dan hubungan antara ahli-ahli AKRAB dan rakan-rakan strategik.

